

05 JUL 2002

Kayveas-Pas

PEMIMPIN PAS YANG MENCACI TIDAK MATANG, KATA KAYVEAS

PUTRAJAYA, 5 Julai (Bernama) -- Kenyataan Anggota Parlimen Kuala Kedah, Mohamad Sabu dan Anggota Parlimen Sik, Datuk Shahnnon Ahmad, yang mencaci dan menghina pemimpin tertinggi negara menunjukkan kedua-dua mempunyai nilai diri yang rendah, kata Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP) Datuk M. Kayveas.

"Mencaci dan menghina menunjukkan mereka sebagai pemimpin yang tidak matang. Tindakan mereka ini dilihat sebagai perbuatan yang tidak bertanggungjawab dan mempunyai kepentingan sendiri," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan kedua-dua ahli Parlimen Pas itu minggu lepas yang mencaci dan menghina Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Kayveas berkata dengan memburukkan Dr Mahathir dan Abdullah, kedua-dua pemimpin Pas itu cuba meraih sokongan rakyat untuk kepentingan politik Pas dan diri mereka sendiri.

"Sebagai insan yang waras, kita dapat menilai sendiri kepimpinan yang baik. Seorang pemimpin yang baik tidak akan mencaci atau menghina orang lain dengan kata-kata yang kesat," katanya.

Beliau berkata walaupun Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dikritik hebat oleh parti-parti pembangkang dengan pelbagai tuduhan, mereka tetap bergerak menjalankan tugas dengan baik sehingga membawa Malaysia maju dan diiktiraf oleh dunia.

Katanya, parti-parti pembangkang hanya tahu mengkritik dan mencaci orang dan bukannya berminat melakukan sesuatu kebaikan untuk rakyat dan negara.

"Rakyat sudahpun sedar akan taktik kotor yang digunakan oleh pembangkang untuk meraih sokongan dan mengelirukan rakyat. Kenyataan mereka ini melampau.

"Sebelum mengkritik orang lain, mereka harus melihat kepada diri sendiri, dan nilai diri sendiri terlebih dahulu," kata Kayveas.

-- BERNAMA

SR MFJ MAI